

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada PeKT masih diteruskan atau tidak. Berapa peruntukan yang telah dibelanja sejak Januari 2021 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas soalan yang dikemukakan oleh **YB Tanjong Malim**.

Penubuhan Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) telah diluluskan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Jun 2020 untuk dilaksanakan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Sabah. Program ini masih diteruskan, walau bagaimanapun, penubuhan PeKT di negeri Sabah tidak dapat dilaksanakan buat masa ini.

SOALAN NO : 27

PeKT merupakan satu inisiatif KPKT untuk mewujudkan komuniti yang bersepadu dan berdaya saing serta memahami aspek pengurusan kewangan dalam menganjurkan aktiviti yang memperkasakan komuniti dan kesejahteraan bandar selaras dengan Dasar Komuniti Negara (DKomN) yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 23 November 2018.

Peruntukan keseluruhan bagi PeKT pada tahun 2021 adalah sebanyak RM 8.627 juta. Setakat ini, 274 orang Pengerusi PeKT telah dilantik daripada Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Pengerusi PeKT diberi tanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan aktiviti-aktiviti PeKT di zon masing-masing. Sehingga kini, 46 program/aktiviti PeKT telah dilaksanakan dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 31 Oktober 2021 adalah sebanyak **RM2,519,604.74**.

Siling peruntukan bagi program yang diluluskan adalah sebanyak RM5,000 bagi setiap PeKT. Program yang dibenarkan adalah program berteraskan kluster di bawah DKomN. Konsep pelaksanaan program adalah berdasarkan Tatacara Kewangan Kerajaan, iaitu PeKT perlu melaksanakan program dan membuat perbelanjaan terlebih dahulu sebelum membuat tuntutan bayaran program dalam tempoh tujuh (7) hari selepas program dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mengkaji dan menyusun semula keperluan dan peranan PeKT. Langkah ini adalah wajar supaya ianya seiring dengan inisiatif semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.